

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 25/6/2012
Hari: Selasa MS: 13
Ruangan: BENCANA

Cabaran hebat menanti Mohamed Mursi

Oleh MUHAMMAD AFIFI ABDUL RAZAK

MOHAMED Mursi, pemimpin gerakan Ikhwan Muslimin yang juga jurutera profesional berpendidikan Amerika Syarikat, akhirnya diumumkan sebagai Presiden baru Mesir. Beliau beriya menewaskan pencabarannya dalam Pilihan Raya Presiden Mesir, Ahmed Shafik, dengan mendapat 51% undi berbanding Shafik, 48% undi.

Apa yang paling menarik, Mursi merupakan Presiden pertama Mesir dalam sejarah negara itu yang dilantik menerusi proses pilihan raya secara demokrasi. Sebelum ini, Mesir diterajui oleh kerajaan beraja, tentera dan sistem berpresiden yang diamalkan secara autoritarian penuh.

Mesir merupakan sebuah negara republik sejak 1953. Ia di perintah oleh beberapa Presiden dari pemimpin tentera seperti Muhammad Naguib (1953-1954), Jamal Abdel Nasser (1954-1970), Anwar Sadat (1970-1981), Hosni Mubarak (1981-2011) dan Mohamed Hussein Tantawi (2011-2012).

Selepas revolusi rakyat 2011 yang menjatuhkan Mubarak, Mesir terus diperintah secara republik di mana tentera Mesir yang menubuhkan 'Majlis Tinggi Angkatan Tentera' di bawah terajui Jeneral Mohamed Hussein menguasai negara tersebut.

Pilihan Raya Presiden Mesir ini sangat penting khasnya bagi rakyatnya. Inilah kali pertama dalam sejarah negara itu mereka diberikan hak penuh mengundi dan memilih pemimpin secara demokrasi. Sejak Mubarak digulingkan menerusi revolusi rakyat yang membanjiri Dataran Tahrir di bandar raya Kaherah tahun lalu, Mesir dalam keadaan tidak menentu.

Tentera Mesir yang diterajui oleh Mohamed Hussein memerintah negara tersebut untuk sementara waktu sehingga proses Pilihan Raya Presiden Mesir tamat kelmarin.



RIBUAN rakyat Mesir merayakan kemenangan Mohamed Mursi sebagai Presiden di Dataran Tahrir, Kaherah, kelmarin.

Walaupun kepimpinan tentera Mesir ketika ini kelihatan agak 'liat' untuk menyerahkan kuasa sepenuhnya kepada Mursi, tindakan Hussein Tantawi yang mengizinkan Mursi sebagai Presiden baru Mesir memberikan signal bahawa perubahan besar bakal berlaku di negara tersebut. Kuasa dan pengaruh tentera bakal 'dicabut' daripada tampuk pentadbiran negara dan Mesir kelak bakal ditadbir dan dikuasai sepenuhnya oleh 'pemimpin rakyat' yang dipilih secara demokrasi.

Sesungguhnya, kemenangan Mursi dari gerakan Ikhwan Muslimin ini memberikan sinar baru bukan sahaja kepada rakyat Me-

sur, tetapi, di samping merayakan kemenangan Mursi, cabaran yang bakal menanti beliau sebagai Presiden Mesir sangat besar dan hebat. Antara cabaran itu:

- Membentuk Kabinet kerajaan Mesir yang seimbang.
- Menyusun semula sistem politik, ekonomi dan sosial Mesir yang telah porak-peranda selepas revolusi.
- Menyatukan semua rakyat Mesir tanpa mengira agama, warna kulit, fahaman dan ideologi politik.
- Memindahkan kuasa politik daripada tentera kepada rakyat.
- Merancang dan membangunkan negara selepas revolusi.
- Meluaskan jaji-jaji politik yang ditabur kepada penyokong, penentang dan seluruh rakyat Mesir.
- Mendaulat idealisme gerakan Ikhwan Muslimin yang berteraskan 'Islam' dan 'Syariah'.
- Menyubur idealisme dan praktik demokrasi di Mesir tanpa sebarang prejudis dan diskriminasi.

Melaksana dasar luar yang seimbang dan tegas, khasnya terhadap negara jiran Israel dan negara-negara kuasa besar dunia.

Menghormati atau meminda perjanjian-perjanjian antarabangsa yang ditandatangani oleh kerajaan Mesir sebelum revolusi.

Memainkan peranan penting di peringkat serantau dan antarabangsa, khasnya dalam isu-isu penting seperti isu Palestin dan konflik Arab-Israel, dan memperkatakan satu model baru politik dan pemerintahan Islam baru yang boleh diterima umum dan seluruh masyarakat antarabangsa.

Ringkasnya, bertanding dan menang dalam Pilihan Raya Presiden Mesir bukanlah permulaan bagi Mursi dan gerakan Ikhwan Muslimin. Ia bukannya bersifat mutlak. Ini kerana dengan undi dan sokongan rakyatlah Mursi

dan Ikhwan Muslimin dapat menerajui Mesir. Kenyataan ini bukan untuk mengutangkan keyakinan terhadap kredibiliti Mursi, tetapi sejauhmana kemampuan beliau dan gerakannya untuk 'bertahan' dalam jangka masa lama, sekiranya ia berlaku, bakal mewujudkan satu legasi baru, iaitu Mesir diperintah oleh pemimpin dan kalangan rakyatnya sendiri.

Sejarah politik dunia Islam telah membuktikan betapa 'rapuhnya' kerajaan pimpinan gerakan-gerakan Islam di beberapa negara. Kerajaan-kerajaan ini tidak bertahan lama dalam menghadapi cabaran politik tempatan dan global yang sangat hebat.

Lihatlah apa yang berlaku kepada parti Refah di Turki, parti Islam FIS di Algeria, serta beberapa kerajaan 'Islam' yang ditubuhkan secara gerakan revolusi seperti di Iran, Iraq, Libya, dan Afghanistan, semuanya mengalami sindrom 'pendek umur' lantaran tidak dapat menahan gelombang politik global dan tempatan yang mencabar.

Kita juga masih menunggu reaksi dari negara-negara kuasa besar dunia dan Israel mengenai perkembangan terbaru di Mesir ini. Yang jelas, rasa bimbang yang amat sangat terpancar di 'muka' negara-negara kuasa besar dunia dan Israel berkaitan kemenangan Mursi dan Ikhwan Muslimin ini.

Kemenangan Mursi merupakan tampanan hebat kepada dunia Barat yang seringkali tidak pernah memberikan peluang dan ruang kepada gerakan Islam menunjukkan 'bakat' menadbir negara. Seluruh rakyat Mesir kini menaruh harapan yang tinggi kepada Mursi untuk memimpin negara itu keluar daripada kemelut politik. Mereka ingatkan 'Mesir baru'.

PENULIS ialah Pensyarah Sains Politik di Pusat Pengajian Antarabangsa, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pergojian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah.